

TANGGUNGJAWAB PESALAH KANAK-KANAK BAGI KESALAHAN CURI DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM DAN SIVIL

*(Responsibility of Child Offenders in Theft Offences in Islamic
and Civil Laws)*

Norjihan Ab Aziz¹

norjihanabaziz@iium.edu.my

Nur Najaa Syairah Che Ramli²

crnajaa@gmail.com

Jabatan Amalan Perundangan, Kuliyah Undang-undang Ahmad
Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.^{1&2}

Pengarang Koresponden: ¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Norjihan Ab Aziz & Nur Najaa Syairah Che Ramli. (2023). Tanggungjawab pesalah kanak-kanak bagi kesalahan curi dalam undang-undang Islam dan sivil. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 269–288. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no4)

Peroleh: Received:	30/8/2022	Semakan: Revised	20/10/2022	Terima: Accepted:	19/4/2023	Terbit dalam talian: Published online	1/7/2023
-----------------------	-----------	---------------------	------------	----------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Jenayah curi merupakan kesalahan jenayah yang berat, sama ada dalam undang-undang jenayah Islam mahupun sivil. Pesalah yang melakukan kesalahan jenayah curi, mengikut sistem keadilan tradisional perlu bertanggungjawab dengan hukuman. Kanak-kanak yang telah mencapai umur minimum liabiliti jenayah jika melakukan kesalahan jenayah curi juga tidak terlepas. Namun begitu, pesalah kanak-kanak tidak boleh diadili seperti pesalah dewasa. Undang-undang Islam mengecualikan kanak-kanak daripada hukuman hudud bagi kesalahan mencuri, namun boleh bertanggungjawab melalui hukuman takzir. Di Malaysia, pesalah kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah curi yang ditadbir dalam Akta Kanak-kanak 2001 boleh dihukum jika disabitkan bersalah. Tanggungjawab pesalah kanak-kanak di Malaysia adalah terbatas pada perintah mahkamah atau hukuman yang diputuskan oleh

mahkamah bagi kanak-kanak sahaja. Namun begitu Konvensyen Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menggalakkan negara ahli untuk menyelesaikan kesalahan jenayah ringan melalui proses keadilan restoratif bagi membolehkan pesalah kanak-kanak bertanggungjawab secara langsung kepada mangsa. Sebagai contoh, United Kingdom dan Brunei telah membenarkan pesalah kanak-kanak bertanggungjawab atas kesalahan yang dilakukan berdasarkan teori keadilan restoratif. Kajian ini mengkaji bagaimana pesalah kanak-kanak boleh bertanggungjawab terhadap mangsa berdasarkan undang-undang Islam dan sivil serta pemakaiannya di negara-negara terpilih, dan di Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar Akta Kanak-kanak 2001 dipinda bagi membolehkan pesalah kanak-kanak turut bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa melalui proses keadilan restoratif. Kajian ini menggunakan kaedah doktrinal yang merujuk sumber primer dan sekunder yang terdapat dalam kepustakaan seperti peruntukan undang-undang, kes-kes yang diputuskan, buku, makalah jurnal dan sebagainya.

Kata kunci: Pesalah kanak-kanak, curi, keadilan restoratif, tanggungjawab jenayah, hukuman, undang-undang kanak-kanak

Abstract

Theft is a serious crime, be it in Islamic criminal law or civil law. Offenders who commit theft, according to the traditional justice system, must be held accountable through punishment. Children who have reached the minimum age of criminal liability, should they commit the offence of theft, are also not exempted. However, they cannot be judged like adult offenders. Islamic Law exempts children from hudud punishment for the crime of theft, but can be held responsible through the punishment of takzir. In Malaysia, child offenders who are involved in the crime of theft are governed by the Child Act 2001, in which they can be punished if convicted. The responsibility of child offenders in Malaysia is limited to the court order or punishment decided by the Court for Children only. However, the United Nations Convention on the Rights of the Child encourages member states to resolve minor criminal offences through the restorative justice process to enable child offenders to be held directly accountable to victims. For example, the United Kingdom and Brunei have allowed child offenders to be held accountable for offences committed based on the theory of restorative justice. This study examines how child offenders can be held responsible for victims based on Islamic and civil laws and their application in selected countries, as well as in Malaysia. This study suggests that the Child Act 2001 be amended to allow child offenders to be held directly responsible for victims through

the restorative justice process. This study uses doctrinal method by referring to primary and secondary sources found in the library such as legal provisions, decided cases, books, journal articles, and others.

Keywords: Child offenders, theft, restorative justice, criminal responsibility, punishment, child law

PENDAHULUAN

Kesalahan jenayah curi melibatkan kanak-kanak di Malaysia adalah semakin membimbangkan. Laporan statistik pada tahun 2018 melibatkan salah laku kanak-kanak yang berumur 16 hingga 17 terhadap harta benda termasuk kesalahan mencuri adalah sebanyak 894 kes (Portal Data Terbuka Malaysia data.gov.my, 2018). Memetik laporan akhbar, tiga remaja berusia 14 dan 15 tahun didakwa di Mahkamah Majistret Jelebu kerana didapati dengan tidak jujur memiliki sebuah telefon bimbit yang dipercayai sebagai harta curi di rumah No 12 Rumah Murah Simpang Pertang. Kesemua mereka didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum selama lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali (Tuty, 2019). Pada tahun 2020, Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay pernah menyatakan bahawa antara kesalahan indeks jenayah membabitkan pelajar sekolah menengah yang paling tinggi ialah kes curi motosikal, dan lain-lain kecurian (Omar, 2002).

Dalam sistem keadilan jenayah, sesiapa yang melakukan kesalahan jenayah bertanggungjawab terhadap tindakannya apabila disahkan bersalah dan disabitkan dengan kesalahan yang dipertuduhkannya. Begitu juga dalam sistem keadilan apabila melibatkan kanak-kanak, pesalah yang telah mencapai umur minimum liabiliti bersalah perlu bertanggungjawab atas tindakan yang telah dilakukan, yang bersesuaian dengan kemampuan umurnya serta kesalahan yang dilakukan (Crofts, 2002:7–8). Tanggungjawab jenayah bergantung pada umur dan tahap kefahaman kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah. Bagi kanak-kanak yang terlalu muda, yang tidak memahami kesalahan jenayah dan akibat yang dilakukan, mereka tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan yang dilakukannya. Namun begitu, bagi kanak-kanak yang telah mencapai umur yang boleh membezakan yang baik atau tidak, serta faham kesalahan jenayah yang dilakukan, perlu bertanggungjawab terhadap tindakannya melalui hukuman.

Kesalahan curi, sama ada dalam undang-undang Islam ataupun sivil, hukumannya amat berat. Bagi pesalah kanak-kanak, pesalah terkecuali daripada hukuman asal. Sebagai alternatif mahkamah bicara boleh memberikan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukannya. Oleh itu, tanggungjawab pesalah kanak-kanak terhadap kesalahan yang dilakukan juga bergantung pada keputusan mahkamah. Tanggungjawab pesalah kanak-kanak dalam kes curi dapat dibahagikan kepada dua keadaan, iaitu sama ada berbentuk hukuman yang bersandarkan keadilan retributif atau dengan memfokuskan untuk mengembalikan hak mangsa, dan memulihkan hubungan pelaku dengan mangsa melalui keadilan restoratif. Makalah ini mengkaji tatacara undang-undang Islam dan sivil dalam hal mengadili kesalahan jenayah kanak-kanak untuk kesalahan curi serta bagaimana pelaku dapat bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukannya.

KONSEP TANGGUNGJAWAB DALAM UNDANG-UNDANG JENYAH

Tanggungjawab dalam konteks undang-undang jenayah merupakan satu liabiliti terhadap pesalah yang berkaitan dengan kesalahan dan hukuman. Hukuman melibatkan tanggungjawab, tetapi tanggungjawab tidak semestinya melibatkan hukuman. Akauntabiliti ialah pematuhan seseorang atau institusi terhadap standard luaran, atau nilai moral. Seseorang boleh dipertanggungjawabkan apabila kelakuannya mematuhi piawaian, dan akibat yang perlu dihadapi apabila tingkah laku seseorang gagal memenuhi piawaian yang ditentukan (Declan, 2003:41–42).

Dalam konteks keadilan jenayah Islam, setiap individu yang melakukan perbuatan jenayah perlu bertanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukannya (Khan et al., 2022, 35–48). Hal ini berlandaskan surah al-An'Am ayat 164 yang menyatakan, "*Setiap perbuatan dosa seseorang dirinya sendiri yang bertanggungjawab. Dan seseorang tidak akan memikul beban dosa orang lain.*" Namun begitu, tiada individu yang perlu bertanggungjawab terhadap tindakannya yang dilakukan disebabkan oleh paksaan, ataupun tidak mampu dari segi mental. Seseorang itu bertanggungjawab terhadap kelakuannya apabila melakukan jenayah dengan niat, mengetahui sifat perbuatan dan akibat daripadanya dan mengetahui tindakannya ditadbir oleh undang-undang yang akan mengikat dirinya (Saqlain, 1996:123). Kanak-kanak yang telah melakukan kesalahan jenayah adalah berbeza tanggungjawabnya berbanding dengan

pesalah dewasa. Kanak-kanak yang mencapai umur minimum liabiliti jenayah kanak-kanak sahaja yang boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukannya.

Secara umumnya, sistem keadilan jenayah menghendaki seseorang yang didapati bersalah bertanggungjawab terhadap tindakannya melalui hukuman yang ditetapkan oleh mahkamah berdasarkan teori retributif. Teori retributif menekankan bahawa individu yang didapati bersalah melakukan kesalahan jenayah perlu dihukum (Cruft et al., 2011:5). Bagi kesalahan jenayah yang berat, pendekatan ini masih diambil oleh mahkamah bagi menghalang pesalah kanak-kanak mengulangi kesalahan jenayah pada masa hadapan. Kanak-kanak yang didapati bersalah, perlu dihukum dan bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukannya.

Keadilan restoratif telah diperkenalkan dalam sistem keadilan jenayah moden bagi menyelesaikan kesalahan ringan terutamanya yang dilakukan oleh kanak-kanak. Tanggungjawab pesalah jenayah dalam teori restoratif adalah dengan melihat cara untuk memperbaiki hubungan antara pesalah dengan mangsa, serta mengembalikan hak mangsa yang terkesan daripada tindakan pesalah. Proses ini memerlukan pesalah mengaku bersalah, memohon maaf kepada mangsa, dan menggantikan atau membaiki kerosakan yang telah dilakukan terhadap mangsa (O'Mahony & Doak, 2017:30). Teori keadilan restoratif mula dilaksanakan bagi membolehkan pesalah kanak-kanak serta ibu bapa untuk turut serta dalam proses dan bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukan secara langsung kepada mangsa. Proses yang sering diamalkan dalam sistem keadilan kanak-kanak ialah persidangan kumpulan keluarga dan mediasi pesalah-mangsa. Tanggungjawab pesalah dalam keadilan restoratif adalah sempurna apabila turut serta dalam proses perbincangan bersama-sama dengan mangsa. Perbincangan diadakan untuk menyelesaikan kesalahan jenayah mengikut persetujuan dan kehendak pelaku dan mangsa, serta telah lengkap menyempurnakan perjanjian yang dipersetujui oleh mereka.

Konvensyen Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menggalakkan negara-negara ahli untuk melaksanakan proses keadilan restoratif sebagai mekanisma alternatif kepada prosiding mahkamah. Sehubungan dengan itu, beberapa negara seperti United Kingdom, Australia, Amerika Syarikat telah menggunakan proses keadilan restoratif bagi menyelesaikan kesalahan jenayah yang ringan, sekali gus bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa. Bagi kesalahan curi yang dilakukan oleh kanak-kanak, keadilan restoratif dengan

mengembalikan hak mangsa tanpa menjejaskan kebajikan pesalah kanak-kanak adalah lebih baik berbanding mengenakan hukuman.

TANGGUNGJAWAB PESALAH KANAK-KANAK DALAM KESALAHAN CURI DI BAWAH UNDANG-UNDANG ISLAM

Dalam Islam, secara umumnya kanak-kanak terkecuali daripada dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan. Fitrahnya yang masih kecil, yakni belum mampu untuk membezakan yang hak dan batil, ataupun yang benar atau salah. Merujuk hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Thalib r.a., bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: “Telah diangkat pena daripada tiga golongan: daripada orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada bayi sehingga dia remaja (baligh) dan daripada orang yang cacat mental sehingga dia berakal. (Hadis Tirmizi, 1423). Hadis ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang belum baligh tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukannya, kerana pemikirannya yang belum matang dan belum tahu akibat daripada kelakuannya.

Dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah, “baligh” ertinya sudah cukup umur mengikut hukum syarak (Seksyen 2 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997) dan kanak-kanak yang belum baligh tidak menjadi kesalahan terhadap apa-apa sahaja yang dilakukan (Seksyen 51 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997). Al-Syafie, Ahmad, Abu Yusuf, dan al-Awza’ie menyatakan bahawa umur baligh ialah mencukupi 15 tahun kamariah bagi lelaki dan wanita. Penentuan ini berdasarkan semasa peristiwa peperangan Khandak, Nabi Muhammad menolak penyertaan kanak-kanak yang berumur 14 tahun (Mohd Faizal, 2018). Pesalah muda ialah individu yang melakukan kesalahan yang berumur antara 10 dan kurang daripada 16 tahun sebagai pesalah muda (Seksyen 2 Akta tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997).

Dalam undang-undang Islam, jenayah terbahagi kepada hudud, qisas, dan takzir. Hudud merujuk kesalahan jenayah yang melibatkan pelanggaran hak-hak Allah, iaitu kesalahan melakukan zina, qazaf, murtad, mencuri, rompakan, meminum arak, dan menderhaka kepada pemimpin (Muhammad, 2008:279). Hukuman atas kesalahan hudud adalah tetap seperti yang termaktub dalam al-Quran, dan hadis. Mahkamah tidak boleh mengurangkan hukuman, atau memaafkan pesalah jika didapati bersalah

melakukan mana-mana jenayah hudud. Namun begitu, hukuman hudud boleh dikenakan terhadap individu dewasa, berakal dan cukup elemen bagi kesalahan hudud yang dilakukan (Abiad & Mansoor, 2017:40).

Mencuri merupakan satu kesalahan jenayah hudud seperti yang termaktub dalam al-Quran, “Sesiapa yang melakukan kesalahan mencuri hendaklah dipotong tangannya (sehingga pergelangan tangan)” (*Surah al-Maidah*, 5:38). Hukuman hudud hanya dijalankan apabila telah lengkap syarat-syarat bagi kesalahan curi, iaitu pesalah seorang yang telah dewasa, berakal, barang tersebut diambil daripada milikan atau jagaan seseorang, barang yang diambil mempunyai nilai, pelaku tiada milikan sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap barang yang diambil, dan pesalah mempunyai niat untuk melakukan curi bukan atas dasar paksaan atau terdesak (Anwarullah, 2008:175). Hukuman potong tangan kanan sehingga ke pergelangan tangan dikenakan bagi kesalahan kali pertama. Bagi kesalahan curi yang dilakukan kali kedua, pesalah akan dipotong kaki kirinya sehingga buku lali. Jika berlaku kesalahan curi untuk kali yang seterusnya, hukuman yang boleh dikenakan ialah hukuman takzir seperti penjara atau denda (Anwarullah, 2008:189). Menurut pendapat Imam Abu Hanifah, harta yang dicuri hendaklah diserahkan kepada mangsa dan jika barang tersebut musnah atau hilang, pesalah mestilah menggantikan atau membayar pampasan kepada mangsa (Audah, 1968:618–619).

Kanak-kanak yang belum mukalaf jika melakukan kesalahan mencuri tidak boleh dihukum dengan hukuman hudud, namun boleh dihukum dengan hukuman takzir bagi tujuan mendisiplinkan dan mendidik kanak-kanak tersebut (Khan, 2007:315). Walaupun kanak-kanak yang melakukan kesalahan curi tidaklah boleh dihukum hudud, hakim boleh memberi nasihat, amaran atau mengenakan sekatan terhadapnya bagi mencegah kesalahan itu berulang pada masa hadapan (Cipriani, 2016:8).

Hukuman takzir merujuk hukuman selain hukuman yang ditetapkan dalam kesalahan jenayah hudud, dan qisas. Bagi kesalahan takzir, mahkamah mempunyai budi bicara untuk menentukan hukuman terhadap pesalah dengan mengambil kira kesalahan yang dilakukan, serta faktor lain yang dikira munasabah bagi menjaga kepentingan umum. Oleh itu, mahkamah boleh menghukum pesalah dengan memberi amaran, sehinggalah hukuman mati, iaitu yang bersesuaian dengan kesalahan jenayah syariah yang dilakukannya. Mahkamah apabila menentukan hukuman terhadap pesalah kanak-kanak boleh mempertimbangkan usia dan keadaan kanak-kanak tersebut sebagai faktor untuk mengurangkan

hukuman (*Surah al-Hadid, 57:75*). Walaupun seorang kanak-kanak tidak boleh dihukum apabila melakukan kesalahan hudud, keadaan ini tidak menghalang pihak berkuasa atau mahkamah untuk menghukum kanak-kanak tersebut dengan hukuman takzir bagi memelihara kepentingan umum.

Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam (Brunei) merupakan negara yang mengamalkan undang-undang Islam dalam sistem keadilan jenayahnya. Undang-undang yang mentadbir kesalahan curi di Brunei terbahagi kepada dua, iaitu undang-undang sivil Brunei di bawah Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, manakala undang-undang syariah Brunei di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013. Kesalahan curi dalam Seksyen 53 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dikenali sebagai *sariqah*, iaitu perbuatan dengan niat untuk memindahkan harta boleh alih secara sembunyi daripada milikan seseorang tanpa persetujuannya. Hukuman bagi kesalahan *sariqah* ialah hukuman had potong tangan atau takzir seperti hukuman penjara atau denda. Kesalahan curi seperti yang termaktub dalam Seksyen 378 Kanun Hukuman Jenayah ialah tindakan mengambil harta boleh alih dengan niat tanpa kebenaran daripada pemiliknya, yang boleh dihukum dengan hukuman takzir, iaitu hukuman penjara, denda, atau sebutan (Abdurrahman *et al.*, 2022:132).

Namun begitu, Seksyen 56 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 jelas menyatakan bahawa hukuman hudud tidak boleh dilaksanakan bagi individu yang bukan mukalaf yakni individu yang belum mencapai umur 15 tahun dan belum sempurna akalinya. Seksyen 61 juga dibaca bersama, iaitu harta yang dicuri hendaklah dikembalikan kepada mangsa jika harta itu masih dalam bentuk asal dan boleh dikenal pasti. Sekiranya harta yang dicuri itu rosak atau telah digunakan, pesalah hendaklah menggantikan atau membayar ganti rugi kepada pemilik.

Dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak Brunei, kanak-kanak yang belum mumaiyiz tidak dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kesalahan yang dilakukannya Bagi kanak-kanak yang telah mumaiyiz tetapi belum baligh tidak boleh dikenakan hukuman hudud, tetapi boleh dikenakan hukuman selainya (Seksyen 13 Perintah Kanun Hukuman Syariah 2013). Seksyen 82 menyatakan bahawa tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang kanak-kanak yang berumur di bawah tujuh tahun begitu juga perbuatan kanak-kanak yang berumur lebih daripada tujuh tahun tetapi di bawah 12 tahun yang belum

cukup akal untuk menimbangkan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu (Seksyen 2 Perintah Kanun Hukuman Syariah, 2013). Sekiranya seorang kanak-kanak didapati telah melakukan kesalahan *sariqah*, kanak-kanak tersebut tidak boleh dihukum dengan hukuman *had*, tetapi boleh dikenakan hukuman takzir (Zuneidy, 2019:61).

Di Brunei, kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak didengar dan diputuskan di mahkamah juvena (Zuneidy, 2019). Mahkamah juvena boleh menentukan hukuman terhadap pesalah kanak-kanak seperti perintah pemerhatian untuk berkelakuan baik tidak kurang dari bulan dan tidak lebih dari tiga tahun, ditahan ke pusat tahanan tidak melebihi enam bulan, atau membayar denda, ganti rugi atau pampasan kepada mangsa. Selain perintah berbentuk hukuman, mahkamah juvena juga boleh mengarahkan pesalah kanak-kanak untuk menyelesaikan kes melalui persidangan kumpulan keluarga yang diadaptasi melalui proses keadilan restoratif. Seksyen 52 memerlukan pesalah kanak-kanak melakukan mana-mana aktiviti yang terdapat dalam peruntukan ini, seperti memberi amaran kepada pesalah untuk tidak mengulangi apa-apa kesalahan jenayah, atau menghendaki pesalah kanak-kanak membayar ganti rugi kepada mangsa, memerlukan pesalah kanak-kanak memohon maaf kepada mangsa, atau apa-apa yang dipersetujui oleh mangsa dan pesalah kanak-kanak (State Judiciary Department, judiciary.gov.bn, 2022). Sekiranya pesalah kanak-kanak gagal memenuhi permintaan mangsa seperti yang dipersetujui dalam persidangan kumpulan keluarga, mereka boleh didenda tidak melebihi \$1000 (Seksyen 52 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 2006).

Oleh itu, dapat dilihat sistem keadilan jenayah kanak-kanak di Brunei membolehkan pesalah kanak-kanak bertanggungjawab atas tindakan yang dilakukannya sama ada melalui hukuman seperti yang tertera dalam Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 2006. Walaupun begitu, mahkamah juvena juga mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan pesalah kanak-kanak untuk menghadiri proses persidangan kumpulan keluarga yang turut dihadiri oleh mangsa, serta ahli keluarga. Proses ini membolehkan pesalah kanak-kanak untuk bertanggungjawab secara langsung kepada mangsa. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas jenis kesalahan jenayah yang boleh diselesaikan melalui persidangan kumpulan keluarga, peruntukan yang jelas dalam akta, menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk pesalah bertanggungjawab secara langsung kepada mangsa.

TANGGUNGJAWAB PESALAH KANAK-KANAK DALAM KESALAHAN CURI DI BAWAH UNDANG-UNDANG SIVIL

Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan di bawah Perkara 3 bahawa kepentingan terbaik kanak-kanak hendaklah menjadi ukuran utama dalam segala hal yang berkaitan dengan kanak-kanak termasuk perkara yang melibatkan undang-undang dan mahkamah (Elisabeth, 2006:121). Kanak-kanak yang telah melakukan kesalahan jenayah, dan didapati bersalah digalakkan untuk dikendalikan tanpa melibatkan prosiding kehakiman. Seperti yang termaktub dalam perkara 40 bahawa kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak boleh dilupuskan melalui sesi kaunseling, alternatif lain kepada tahanan, serta mekanisme lain sebagai pengalihan daripada prosiding jenayah di mahkamah, atau sebarang proses keadilan restoratif (Office of the SRGS on Violence Against Children, 2013).

Hukuman yang bersifat penyeksaan, atau berat seperti hukuman mati boleh dikenakan bagi kesalahan jenayah yang berat sebagai langkah terakhir (Schabas et al., 2006:3). Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bukanlah mengecualikan kanak-kanak yang melakukan kesalahan jenayah daripada bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukan, tetapi menggalakkan negara-negara ahli untuk memberikan hukuman alternatif kepada pesalah kanak-kanak dengan mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut. Berdasarkan Perkara 40 dan 3 Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, beberapa negara telah menerima pakai proses keadilan restoratif sebagai alternatif kepada prosiding jenayah dan hukuman terhadap pesalah kanak-kanak khususnya bagi kesalahan yang ringan seperti mencuri.

Berdasarkan Perkara 40 Konvensyen Hak Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menggalakkan kesalahan jenayah oleh kanak-kanak diselesaikan melalui mekanisme selain prosiding di mahkamah, atau sebarang proses keadilan restoratif, United Kingdom membenarkan kesalahan jenayah ringan dilakukan oleh kanak-kanak dikendalikan melalui keadilan restoratif.

United Kingdom

Pesalah kanak-kanak yang berumur di bawah umur 14 tahun atau pesalah remaja yang berumur di bawah umur 18 tahun pada proses praperbicaraan digalakkan untuk menerima pakai keadilan restoratif sebagai mekanisme bagi menyelesaikan kesalahan jenayah yang dilakukan. Kanak-kanak

yang didapati bersalah kerana melakukan kesalahan jenayah, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1933 (*Children and Young Persons Act 1933*) membenarkan mahkamah belia untuk mengeluarkan perintah terhadap pesalah tersebut. Kanak-kanak tersebut perlu mengaku bersalah, dan mempunyai bukti yang mencukupi bagi pihak polis untuk mendakwanya. Dalam kebanyakan kes, pesalah muda mendapat perintah rujukan oleh mahkamah. Perintah rujukan membolehkan kes jenayah yang melibatkan pesalah kanak-kanak diselesaikan melalui satu persetujuan atau kontrak dengan mangsa, atau bayaran denda, atau perintah komuniti bagi pesalah yang berumur 16 tahun dan ke atas (Easton & Piper, 2005:252). Akta tersebut menggalakkan pesalah untuk membuat ganti rugi bagi kerosakan yang dialami oleh mangsa atau masyarakat, membenarkan mangsa untuk mengambil bahagian dalam proses itu, dan penentuan keputusan yang penting dalam paradigma keadilan pemulihan.

Akta Kuasa Mahkamah Jenayah (Penghukuman) 2000 (*Powers of Criminal Courts (Sentencing) Act 2000*) membenarkan mahkamah belia memutuskan perintah rujukan sebagai hukuman kepada pesalah yang mengaku bersalah dan disabitkan dengan kesalahan. Perintah rujukan merupakan satu penghakiman yang diputuskan oleh mahkamah terhadap pesalah kanak-kanak berumur antara 10 hingga 17 tahun yang disabitkan bersalah melakukan kesalahan jenayah kali pertama (Rosenblatt, 2015:71). Matlamat perintah rujukan adalah sebagai alternatif kepada prosiding mahkamah bagi membolehkan pesalah, keluarga dan mangsa menyelesaikan kesalahan jenayah tanpa melibatkan proses perbicaraan. Mahkamah belia boleh memutuskan perintah rujukan jika pesalah tersebut mengaku bersalah dan tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah sebelum ini. Namun begitu, mahkamah belia tidak boleh mengeluarkan perintah rujukan kepada pesalah muda atau kanak-kanak sekiranya terdapat hukuman tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang bagi satu-satu kesalahan sebagai contoh hukuman penjara dan sekiranya pesalah tersebut dibebaskan daripada pertuduhan. (Ward, 2001:101).

Apabila mahkamah mengenakan perintah rujukan kepada pesalah, pesalah tersebut hendaklah dirujuk kepada panel pesalah belia untuk menggalakkan pengamal keadilan restoratif turut serta dalam proses tersebut. Proses keadilan restoratif yang sering digunakan bagi menyelesaikan kesalahan jenayah melibatkan kanak-kanak sebagai pelaku ialah persidangan kumpulan keluarga dan mediasi pesalah-mangsa (Susan, 2005:252). Persidangan kumpulan keluarga merupakan satu proses yang memerlukan penglibatan oleh pesalah dan ahli keluarga, mangsa dan ahli

keluarga, yang dibantu oleh seorang fasilitator bagi melancarkan proses perbincangan serta persetujuan oleh semua pihak (Kury et al., 2016:313). Proses ini sangat sesuai bagi menyelesaikan kesalahan jenayah yang melibatkan kanak-kanak sebagai pelaku dan juga mangsa kerana penglibatan oleh ahli keluarga membolehkan proses berjalan dengan lancar serta mencapai matlamatnya. Begitu juga dalam proses mediasi pesalah-mangsa yang melibatkan pesalah, mangsa dan orang ketiga yang neutral sebagai mediator bagi memudah cara dan membolehkan pesalah dan mangsa bertukar-tukar maklumat berkaitan dengan jenayah yang dilakukan, serta mencapai persetujuan mengikut kehendak dan keperluan secara bersama (Kury et al., 2016:312). Kedua-dua proses ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu memberi ruang kepada pesalah dan mangsa untuk bertukar-tukar maklumat berkaitan dengan kesalahan jenayah seperti sebab kesalahan itu berlaku, kesannya terhadap mangsa, serta fokus terhadap cara untuk mengembalikan hak mangsa dan menerima semula pesalah dalam masyarakat.

Perjanjian yang dipersetujui bersama pada akhir proses, perlu direkodkan secara bertulis dan ditandatangani oleh pesalah serta ahli panel. Pemantauan akan dilakukan oleh panel bagi memastikan persetujuan yang direkodkan dilaksanakan oleh pesalah. Perintah rujukan akan dilepaskan sekiranya panel berpuas hati bahawa pesalah telah menyelesaikan tanggungjawabnya seperti yang direkodkan dalam kontrak. Namun begitu, jika tiada persetujuan dicapai, kes tersebut akan dirujuk ke mahkamah belia untuk prosiding selanjutnya (Ward, 2001:109–115).

Bagi kesalahan curi yang dilakukan oleh pesalah kanak-kanak, perintah rujukan merupakan satu penghakiman yang sering diputuskan oleh mahkamah belia. Dalam kes *R v. R [2007] ALL ER (D) 46 (Dec)*, defendan dan abangnya berumur di bawah 18 tahun semasa kejadian tersebut berlaku. Mereka telah mencuri beg komputer riba yang mengandungi barang bernilai lebih £5600 daripada mangsa ketika dalam perjalanan menaiki bas untuk pulang ke rumah. Defendan telah disabitkan bersalah kerana memiliki senjata berbahaya di tempat awam dan juga kesalahan cubaan mencuri. Defendan dijatuhi hukuman perintah rujukan selama enam bulan bagi kesalahan memiliki senjata di tempat awam, manakala bagi kesalahan cubaan mencuri defendan dihukum dengan lanjutan perintah rujukan sebagai tambahan selama tiga bulan.

Berdasarkan pemerhatian kepada peruntukan undang-undang di United Kingdom, pesalah kanak-kanak dalam sistem keadilan jenayah moden adalah lebih praktikal, iaitu dapat bertanggungjawab secara

langsung kepada mangsa melalui proses keadilan restoratif. Melalui keadilan restoratif, pesalah kanak-kanak diberi ruang dan peluang untuk belajar daripada kesilapan dengan memohon maaf kepada mangsa, mendengar suara mangsa dan memenuhi tuntutan mangsa seperti yang dipersetujui dalam pertemuan mereka. Perintah rujukan ialah satu contoh keadilan restoratif diadaptasi dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak di United Kingdom. Pesalah kanak-kanak perlu diberikan peluang kedua untuk mereka belajar daripada kesilapan. Sikap bertanggungjawab secara langsung kepada mangsa membolehkan pesalah berasa insaf dan tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang.

TANGGUNGJAWAB PESALAH KANAK-KANAK TERHADAP KESALAHAN CURI DALAM UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Di Malaysia, kesalahan curi dan hukumannya ditadbir mengikut Kanun Keseksaan. Kesalahan curi ditakrifkan sebagai mengambil mana-mana harta boleh alih secara tidak jujur tanpa kebenaran pemilik, memindahkan harta itu dengan tujuan untuk mengambilnya. Hukuman bagi kesalahan mencuri bagi kesalahan pertama boleh dipenjarakan tidak melebihi tujuh tahun, atau denda, atau kedua-duanya. Hukuman bagi kesalahan berikutnya ialah penjara dan denda atau sebat. Hukuman bagi mencuri motosikal atau mana-mana komponen motosikal ialah penjara tidak kurang dari 12 bulan dan tidak lebih dari tujuh tahun dan denda. Bagi kesalahan mencuri di dalam bangunan, hukumannya ialah penjara tidak melebihi sepuluh tahun dan denda atau sebat, manakala bagi kesalahan berikutnya hukuman yang boleh dikenakan ialah penjara dan denda atau sebat (Yeo et al., 2012:411).

Dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak, kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun jika melakukan apa-apa kesalahan jenayah termasuk curi adalah bebas daripada bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukannya. Jika kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 12 tahun didapati bersalah melakukan kesalahan jenayah termasuk mencuri, setelah mahkamah mendapati pelaku faham kesan dan akibat kesalahan serta hukuman yang dilakukannya, mereka boleh disabitkan bersalah dan bertanggungjawab terhadap tindakannya mengikut hukuman yang diputuskan oleh mahkamah bagi kanak-kanak (Aminuddin, 2016:43–64). Walau bagaimanapun, kesalahan curi yang dilakukan oleh kanak-kanak sungguhpun disabitkan bersalah, tidak akan dihukum seperti yang termaktub dalam Kanun Keseksaan. Kanak-kanak yang melakukan apa-apa kesalahan jenayah termasuk jenayah curi adalah tertakluk pada Akta

Kanak-kanak 2001. Akta ini mentadbir proses keadilan jenayah yang dilakukan oleh pesalah kanak-kanak termasuklah siasatan, perbicaraan, dan hukuman jika disabitkan bersalah.

Seksyen 90 Akta Kanak-kanak 2001 memberi kuasa kepada mahkamah bagi kanak-kanak untuk memutuskan perintah-perintah yang berikut setelah mendapati pesalah kanak-kanak bersalah melakukan kesalahan jenayah;

- (a) memberi amaran kepada kanak-kanak dan melepaskan kanak-kanak itu;
- (b) melepaskan kanak-kanak itu apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh mahkamah;
- (c) memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai—
 - (i) selama apa-apa tempoh yang hendaklah ditetapkan oleh mahkamah; dan
 - (ii) dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh mahkamah;
- (d) memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos;
- (e) membuat suatu perintah percubaan di bawah Seksyen 98;
- (f) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney;
- (g) memerintahkan supaya kanak-kanak itu, jika seorang lelaki, disebat tidak lebih daripada sepuluh kali sebatan dengan rotan yang ringan
 - (i) di premis Mahkamah itu; dan (ii) di hadapan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu jika dia hendak hadir;
- (h) mengenakan terhadap kanak-kanak itu, jika dia berumur 14 tahun ke atas dan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemenjaraan dan tertakluk pada subseksyen 96(2), apa-apa tempoh pemenjaraan yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah seksyen.

Jika pesalah kanak-kanak dikenakan hukuman denda, atau dikehendaki membayar pampasan kepada mangsa, mahkamah boleh memerintahkan ibu bapa untuk berbuat demikian, melainkan jika mahkamah itu berpuas hati bahawa ibu atau bapa kanak-kanak tersebut tidak ada atau tidak dapat

ditemui dalam masa yang munasabah atau tidak membantu menyebabkan perlakuan kesalahan itu kerana cuai memelihara kanak-kanak itu dengan sewajarnya (Seksyen 94 (1) Akta Kanak-kanak 2001). Ibu bapa jika tidak berpuas hati dengan dapatan atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah bagi kanak-kanak boleh merayu kepada mahkamah tinggi terhadap dapatan atau perintah (Seksyen 95 Akta Kanak-kanak 2001).

Dalam kes *A Child v. Public Prosecutor [2020] MLJU 1394*, seorang kanak-kanak berusia 17 tahun telah disabitkan bersalah atas dua pertuduhan memiliki barang curi. Hukuman bagi kesalahan pertama, mahkamah bagi kanak-kanak memutuskan pesalah kanak-kanak tersebut dihantar ke Sekolah Henry Gurney selama tiga tahun. Bagi kesalahan kedua, mahkamah memutuskan pesalah kanak-kanak tersebut dihantar ke Asrama Akhlak Kempas untuk tempoh setahun. Sekiranya tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut, pesalah kanak-kanak telah membuat rayuan ke mahkamah tinggi. Mahkamah tinggi telah mengambil kira kehendak waris pesalah tersebut untuk memberikan hukuman tahanan, malah tiada sebarang pembelaan dikemukakan oleh waris bagi pihak tertuduh. Oleh itu, Mahkamah Tinggi mengekalkan sabitan kedua-dua pertuduhan terhadap kanak-kanak tersebut, tetapi menggantikan perintah yang diputuskan oleh mahkamah bagi kanak-kanak kepada Asrama Akhlak, Sekolah Tunas Bakti di Sungai Besi, Kuala Lumpur untuk tempoh tiga tahun.

Merujuk kes *A Juvenile v. Public Prosecutor [2002] MLJU 471*, dua orang remaja telah disabitkan bersalah melakukan jenayah curi kenderaan bermotor yang merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 379A Kanun Keseksaan. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh penasihat mahkamah, Majistret telah memerintahkan kedua-dua pesalah tersebut dihantar ke Sekolah Henry Gurney bagi tempoh tiga tahun. Pesalah kedua telah membuat rayuan di mahkamah tinggi agar perintah tersebut diketepikan. Permohonan rayuan ini turut disokong oleh ibu bapanya yang memohon agar mahkamah tinggi memberi peluang untuk menjaga pesalah tersebut kerana bimbang terhadap pendidikannya serta masa depannya jika dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Mahkamah tinggi berpandangan bahawa mahkamah bicara, iaitu majistret harus mempertimbangkan implikasi terhadap pesalah kanak-kanak sebelum memerintahkan pesalah tersebut ke Sekolah Henry Gurney atau di bawah jagaan ibu bapanya. Mahkamah Tinggi juga bersetuju bahawa Sekolah Henry Gurney tidak sesuai untuk pesalah tersebut membuat persiapan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bakal didudukinya kerana tidak cukup tenaga pengajar dan kemudahan lain. Mahkamah

tinggi telah mengetepikan perintah majistret dan memerintahkan pesalah tersebut dibebaskan selepas memberi amaran.

Hasil pemerhatian menunjukkan kanak-kanak yang melakukan kesalahan curi di Malaysia bertanggungjawab terhadap kelakuannya melalui hukuman atau perintah yang diputuskan oleh mahkamah bagi kanak-kanak. Hukuman yang terdapat dalam akta kanak-kanak cenderung berbentuk pencegahan atau pemulihan, yang lebih memfokuskan kepada pesalah kanak-kanak. Malah, dapat juga dilihat bahawa tiada peruntukan khusus dalam undang-undang di Malaysia yang membenarkan pesalah kanak-kanak bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa. Tanggungjawab pesalah kanak-kanak dianggap selesai apabila pesalah kanak-kanak telah lengkap menjalani hukuman seperti yang telah diputuskan mahkamah bagi kanak-kanak.

ANALISIS DAN CADANGAN

Pesalah kanak-kanak yang telah mencapai umur minimum liabiliti kesalahan jenayah boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan jenayah yang dilakukan. Secara amnya mana-mana individu yang telah melakukan kesalahan jenayah curi akan dikenakan hukuman setimpal. Tanggungjawab pesalah terhadap kelakuannya selesai setelah sempurna menjalani hukuman. Pendekatan ini dibawa oleh teori retributif dalam sistem keadilan jenayah tradisional.

Sistem keadilan jenayah Islam jelas menunjukkan bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan jenayah perlu bertanggungjawab atas tindakannya melalui hukuman. Kesalahan curi merupakan satu kesalahan hudud, yakni hukumannya telah ditetapkan dalam al-Quran Namun begitu, bagi kanak-kanak yang telah mumaiyiz tetapi belum baligh, hukuman hudud tidak akan dikenakan, namun pesalah tersebut boleh dihukum dengan hukuman takzir bagi mendisiplinkan kanak-kanak tersebut. Begitu juga di Brunei yang merupakan sebuah negara Islam, yang melaksanakan sistem undang-undang Islam termasuk hudud bagi kesalahan curi. Walaupun Brunei meletakkan hudud sebagai hukuman bagi kesalahan curi yang dilaksanakan oleh pesalah dewasa apabila telah cukup nisab, hukuman ini terkecuali terhadap pesalah kanak-kanak. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa boleh mendisiplinkan atau mendidik pesalah kanak-kanak tersebut dengan hukuman takzir. Brunei telah mengambil pendekatan keadilan restoratif melalui persidangan kumpulan keluarga yang membolehkan

pesalah kanak-kanak bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa berdasarkan persetujuan bersama. Hukuman atau penyelesaian kes melalui persidangan kumpulan keluarga merupakan tanggungjawab yang perlu disempurnakan oleh pesalah setelah diputuskan oleh mahkamah juvena. Namun begitu, Akta Kanak-kanak dan Orang Muda tidak memperincikan secara jelas akan kesalahan yang boleh diselesaikan melalui persidangan kumpulan keluarga.

Pada era moden, tanggungjawab pesalah terhadap tindakan yang dilakukan bukanlah berdasarkan hukuman semata-mata. Pendekatan melalui keadilan restoratif dengan mengembalikan hak mangsa adalah digalakkan terutamanya bagi pesalah kanak-kanak seperti yang termaktub dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak. United Kingdom dan Brunei ialah contoh negara yang telah melaksanakan keadilan restoratif dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak bagi menyelesaikan kes jenayah yang ringan. Di United Kingdom, pesalah kanak-kanak yang terlibat dalam kes curi boleh bertanggungjawab secara langsung kepada mangsa melalui perintah rujukan. Dalam proses ini, pesalah dan mangsa berpeluang untuk menyelesaikan kesalahan jenayah melalui apa-apa proses keadilan restoratif seperti persidangan kumpulan keluarga, atau mediasi pesalah-mangsa. Proses ini memberi peluang kedua kepada pesalah untuk menginsafi dan memperbaiki diri dengan memohon maaf secara langsung kepada mangsa, serta mengembalikan harta yang diambil atau menggantikannya dengan yang baharu sekiranya tidak boleh dikembalikan atau musnah.

Di Malaysia, undang-undang sedia ada membolehkan pesalah kanak-kanak bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukannya terhadap mangsa melalui perintah-perintah yang termaktub dalam Akta Kanak-kanak 2001. Akta ini tiada peruntukan khusus yang membolehkan pesalah bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa seperti yang digalakkan dalam Konvensyen Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui proses keadilan restoratif. Oleh itu, Akta Kanak-kanak 2001 perlu dipinda bagi memberi kuasa kepada mahkamah bagi kanak-kanak memerintahkan pesalah kanak-kanak yang didapati bersalah melakukan kesalahan curi dirujuk untuk melalui proses keadilan restoratif. Sehubungan itu, satu peruntukan baharu perlu dimasukkan dalam seksyen 91 Akta Kanak-kanak 2001, iaitu subseksyen (i) rujuk pesalah kanak-kanak ke proses keadilan restoratif sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada. Satu garis panduan yang komprehensif juga diperlukan bagi mentadbir proses keadilan restoratif terhadap pesalah kanak-kanak secara

menyeluruh. Dengan adanya pindaan bagi membolehkan pesalah kanak-kanak dirujuk untuk melalui proses keadilan restoratif, pesalah kanak-kanak boleh bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa seperti membayar pampasan atau ganti rugi. Cara ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada mangsa kerana haknya dikembalikan, tetapi juga kepada pesalah kanak-kanak yang dapat menginsafi kesalahan lampau di samping menyempurnakan tanggungjawabnya terhadap mangsa. Malah, kebajikan dan keperluan pesalah kanak-kanak selaku kanak-kanak turut terpelihara.

KESIMPULAN

Setiap individu yang melakukan kesalahan jenayah perlu bertanggungjawab atas tindakan yang dilakukannya. Bagi kesalahan jenayah curi yang dilakukan oleh kanak-kanak, tanggungjawab mereka bergantung pada takat umur minimum liabiliti pesalah kanak-kanak seperti yang termaktub dalam undang-undang. Pesalah kanak-kanak yang telah mencapai umur tanggungjawab jenayah perlu bertanggungjawab berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggalakkan negara-negara ahli untuk membolehkan pesalah kanak-kanak bertanggungjawab secara langsung terhadap mangsa melalui keadilan restoratif. Pendekatan ini telah dilaksanakan di United Kingdom dan juga Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam yang melalui perintah rujukan dan persidangan kumpulan keluarga. Namun begitu, di Malaysia pesalah kanak-kanak yang didapati bersalah kerana mencuri tertakluk pada penghakiman yang dibenarkan dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Sehingga kini proses keadilan restoratif belum diterima pakai dalam sistem keadilan jenayah kanak-kanak. Oleh itu, dicadangkan agar pendekatan keadilan restoratif turut diperkenalkan di Malaysia agar pesalah kanak-kanak berpeluang untuk bertanggungjawab secara langsung dengan mangsa berdasarkan kepentingan dan keperluan kedua-dua pihak.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada projek kajian yang ditaja oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental Bagi Penyelidik Baharu (FRGS-RACER) Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan rujukan no (RACER/1/2019/SSII0/UIAM//1).

RUJUKAN

- Abdurrahman Ahmad Masum, Cecep Soleh Kurniawan, Hjh. Mas Nooraini Hj Mohiddin, Hjh Hanan PD Hj Abdul Aziz, Supri Hj Sudin & Zurairatul Zakiah DSS Hj Rajid. (2022). Peningkatan kes curi di Brunei Darussalam: Punca dan penyelesaiannya analisis awal dari perspektif agensi perundangan. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13(22), 130–135.
- Abiad, N. & Mansoor, F.. (2010). *Criminal law and the rights of the child in Muslim States: A comparative and analytical perspective*. British Institute of International and Comparative law.
- Akta Kanak-Kanak 2001
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 2006
- Akta tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997)
- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan Humaira. (2020). Telaga Biru.
- Aminuddin Mustaffa. (2016). Umur minimum tanggungjawab jenayah kanak-kanak: menilai undang-undang Malaysia dari perspektif undang-undang. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 28(1), 43–64.
- Anwarullah. (2008). *The criminal law of Islam*. A.S. Noordeen.
- Audah, A. Q. (1968). *Al-Tashri'a al-Jinai al-Islami*, Vol. II.
- Cipriani, Don, (2016). *Children's rights and the minimum age of criminal responsibility: A global perspective*. Routledge.
- Convention on the Rights of the Children. (2015). <https://documents-dds-ny.un.org/doc/UNDOC/GEN/G15/155/15/PDF/G1515515.pdf?OpenElement>, 40. Retrieved 20 Ogos 2022.
- Crofts, T. (2002). *The criminal responsibility of children and young persons: A comparison of English and German Law*. Ashgate.
- Cruft, Rowan, Kramer, Matthew, H., & Reiff, Mark, R. (2011). *Crime, punishment, and responsibility: The jurisprudence of Anthony Duff*. Oxford University Press.
- Declan, R. (2003). *Accountability in restorative justice*. Oxford University Press.
- Elisabeth, M. (2006). *Best Interests of the Child*. Transnational Publishes.
- Easton, S. & Piper, C. (2005). *Sentencing and punishment: The quest for justice*. Oxford University Press.
- Khan, A., Javed, K., Khan, A. S., & Rizwi, A. (2022). Aggression and individual criminal responsibility in the perspective of Islamic law. *Competitive Social Sciences Research Journal (CSSRJ)*, 3(1), 35–48.
- Khan, T. Mohammad. (2007). *Criminal law in Islam*. Pentagon Press.
- Kury, H, Redo, S. & Shea, E. (2016). *Women and children as victims and offenders: Background, prevention, reintegration*. Springer.
- Mohd Faizal Yusof. (2018). *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 230: Umur Baligh Menurut 4 Mazhab Dan Had Umur Yatim*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad->

- fatwa/irsyad-fatwa-umum/2460-irsyad-al-fatwa-siri-ke-230-umur-baligh-menurut-4-mazhab-dan-had-umur-yatim. Retrieved 15 Ogos 2022.
- Muhammad Bakar Ismail (2008). *Alfiqh al-Wadhih: Fiqh lengkap*. M. Yusuf Sinaga, Suhendri Irandi, Hasanuddin Dolah, Muhammad Zuhirsyam (penterjemah). Berlian Publications.
- O'Mahony, D. & Doak, J. (2017). *Reimagining restorative justice: Agency and accountability in the criminal*. Hart Publishing.
- Omar Ahmad. (2020). Jenayah pelajar sekolah membimbangkan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/638303/tiga-remaja-didakwa-mencuri>. Retrieved 1 Ogos 2022.
- Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (Negara Brunei Darussalam).
- Portal Data Terbuka Malaysia. (2018). *Kanak-kanak terlibat dengan jenayah mengikut jenis kesalahan, kumpulan umur dan jantina tahun 2018*. https://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/kanak-kanak-yang-terlibat-dengan-jenayah-mengikut-jenis-kesalahan-umur-dan-jantina/resource/0fd47941-f18f-4018-aa86-993ac838e6e5. Retrieved 1 Ogos 2022.
- Riwayat al-Tirmizi (1423)an Ahmad (956), <https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/2642-bayan-linnas-siri-ke-150-fiqh-dan-penyelesaian-isu-autisme-2>. Retrieved 15 Ogos 2022.
- Rosenblatt, F. (2015). *The role of community in the restorative justice*. Routledge.
- Saqlain, M. (1996). Philosophy and basic principles of Islamic penal justice jurisprudence: A comparative view. In Tahir Mahmood et al. (Ed.), *Criminal law in Islam and the Muslim World: A comparative perspective*. Institute of Objective Studies.
- Schabas, W, Sax, H. & Alen, A.. (2006). *A Commentary on the United Nations Convention on the Rights of the Child, Article 37: Prohibition of torture, death Penalty, life imprisonment and deprivation of liberty*. Brill.
- State Judiciary Department Brunei Darussalam. (2022). Juvenile Court. <https://www.judiciary.gov.bn/SJD%20Site%20Pages/Juvenile%20Court.aspx>. Retrieved 20 Ogos 2022.
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. (Disember 13, 2019). Tiga Remaja Didakwa Mencuri. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/12/638303/tiga-remaja-didakwa-mencuri>. Retrieved 15 Ogos 2022
- Ward, R. (2001). *Young offenders: Law, practice and procedure*. Jordans.
- Yeo, S., Morgan, N., & Chan W. C. (2012). *Criminal law in Malaysia and Singapore*. Lexis Nexis.
- Zuneidy Jumat. (2019). Juvana dari perspektif sistem peundangan Negara Brunei Darussalam: Satu analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(14), 50–65.